

USIM: Anjur Seminar Fiqh Pergigian

SEREMBAN 26 Mei - Fakulti Pergigian Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) buat pertama kalinya menganjurkan Seminar Fiqh Pergigian Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Dewan Besar universiti berkenaan, baru-baru ini.

Pengarah program **Dr. Aspalilah Alias** berkata, seramai 700 peserta terdiri daripada pakar, kakitangan klinik swasta, pensyarah, pegawai pergigian Kementerian Kesihatan dan mahasiswa telah mengikuti program tersebut.

"Objektif penganjurannya adalah untuk memperkenalkan kon-

sep fiqh (fekah) secara umum, mengaitkan ilmu fiqh selari dengan ilmu pergigian.

"Dalam masa yang sama memberi pendedahan kepada pengamal pergigian tentang isu fiqh pergigian dan bagi memantapkan pengetahuan semasa membuat rawatan pergigian," katanya di Nilai, dekat sini hari ini.

Katanya, semua peserta yang hadir terutamanya pengamal pergigian dapat membuat rawatan pergigian mengikut hukum yang telah ditetapkan oleh Islam untuk mendapat keredhaan selepas

mengikuti program ini.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pergigian USIM, **Dr. Haslinda Ramli** memberitahu, seminar yang dianjurkan itu adalah satu rentetan usaha fakulti untuk meningkatkan lagi kefahaman tentang konsep integrasi naqli dan aqli.

"Itu juga bermatlamat untuk menjawab persoalan dan kemusykilan dalam kalangan pengamal pergigian dan orang awam khususnya tentang hukum hakam dan keboleharusan sesuatu rawatan pergigian itu daripada pandangan Islam," katanya.